

NO. SOALAN: 522

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW

TARIKH :

RUJUKAN : 10143

SOALAN :

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah E-kad dan I-kad tidak dilaksanakan di Sarawak. Berapakah perbelanjaan pelaksanaan E-Kad dan i-Kad ini. Nyatakan syarikat swasta yang terlibat dan jumlah kontraknya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program *Enforcement Card* (E-Kad) merupakan inisiatif yang dilancarkan oleh Kerajaan bertujuan untuk memberi peluang kepada PATI tanpa dokumen perjalanan yang sah dan bekerja secara haram di Malaysia diberikan kad kebenaran bekerja sementara bagi memenuhi sektor formal yang dibenarkan. Program ini turut dirangka untuk memenuhi permintaan majikan untuk mengisi keperluan tenaga kerja di sektor pekerjaan yang dibenarkan sahaja serta membolehkan Kerajaan mengetahui jumlah PATI dalam Negara bagi tujuan pemantauan dan memenuhi keperluan senario keselamatan semasa. Majikan dan PATI yang telah didaftarkan seterusnya perlu mendapatkan Pasport daripada pihak kedutaan bagi membolehkan PATI tersebut menyertai Program ini.

Manakala pelaksanaan i-Kad di negeri Sarawak telah bermula pada 1 Oktober 2015. Sehingga 31 Julai 2017, jumlah keseluruhan iKad yang telah dikeluarkan di Sarawak adalah berjumlah 155,863 unit.